

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK
FOH [SANDAKAN]**

TARIKH : 16 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan keperluan dan pembekalan elektrik secara keseluruhannya di Sabah bagi tahun 2010 hingga 2014. Nyatakan status pembinaan loji penjana kuasa LNG yang akan dibina di Sandakan. Bila ia akan mula dibina dan berapa peruntukan akan diguna.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Keperluan dan pembekalan elektrik bagi negeri Sabah dari tahun 2010 hingga 2014 adalah seperti berikut:

Tahun	Permintaan (MW)	Kapasiti Penjanaan (MW)
2010	773	1,099
2011	830	1,232
2012	828	1,186
2013	867	1,254
2014	908	1,175

2. Kerajaan menyedari akan keperluan untuk meningkatkan penjanaan elektrik bagi memastikan bekalan elektrik yang lebih stabil dan *reserve margin*, dengan izin, yang lebih selesa, sebagai pemangkin utama kepada pembangunan dan perindustrian, khususnya di kawasan Timur Sabah. Dalam hal ini, terdapat keperluan untuk membina sebuah stesen jana kuasa berkapasiti besar untuk beroperasi secara *baseload* bagi memenuhi permintaan bekalan di kawasan Pantai Timur Sabah.

3. Sehubungan itu, Kerajaan sedang meneliti semula cadangan pembinaan sebuah stesen janakuasa besar berkapasiti 300MW di Pantai Timur Sabah menjelang tahun 2020 terutama sekali dari segi lokasi dan juga bahan api yang akan digunakan. **Perancangan** asal adalah bagi membina *Liquefied Natural Gas (LNG) Regasification Terminal (RGT)* dan stesen janakuasa 300MW berasaskan gas di POIC Lahad Datu. Namun, keputusan asal ini sedang dikaji semula kerana isu berkaitan harga bahan api LNG pada harga pasaran semasa akan menyebabkan kos penjanaan yang mahal dan melebihi kemampuan SESB berdasarkan kadar tarif sedia ada. Ini sekali gus akan menyebabkan Kerajaan perlu menampung kos subsidi operasi yang tinggi bagi memastikan tarif elektrik di Sabah adalah pada kadar yang berpatutan.

4. Dalam hal ini, stesen jana kuasa berasaskan gas dengan kapasiti 300MW dijangka akan mula beroperasi komersial secara berfasa mulai tahun 2019. Anggaran semasa untuk kos pembinaan stesen janakuasa berasaskan gas ini adalah sebanyak RM1.3 bilion.
